

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ (BACHOK)**

**SOALAN**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan aplikasi konsep Maqasid Syariah  
dalam pelaksanaan dasar dan program Kerajaan.**

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen Kerajaan dalam memastikan Maqasid Syariah dapat dilaksanakan dalam pentadbiran negara adalah selaras dengan **Falsafah Dan Matlamat Pentadbiran Kerajaan** seperti yang terkandung dalam Buku Harapan bahawa:

“Falsafah pentadbiran Pakatan Harapan adalah berdasarkan falsafah dan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, visi yang telah dibawa oleh para pejuang negara, agenda reformasi berterusan dan idea-idea pembangunan yang progresif dan demokratik, sesuai dengan realiti zaman moden dan mendepani cabaran-cabaran akan datang. Matlamat ini terangkum dalam Maqasid Syariah yang memandu program pembangunan negara yang akhirnya memberi rahmat dan keadilan untuk seluruh rakyat Malaysia.”

Selaras dengan komitmen tersebut, Kerajaan telah meletakkan teras yang inklusif iaitu **Rahmatan Lil ‘Alamin** bagi mendepani cabaran-cabaran dalam pentadbiran negara. Dalam hal ini, pemacu utama teras

ini ialah **Maqasid Syariah** yang merupakan satu sistem nilai dan amalan yang mempunyai peranan yang sangat luas dalam sistem pembangunan sesebuah negara.

Objektif umum Maqasid Syariah iaitu **memelihara kestabilan sistem kehidupan manusia** dan mengekalkan kebaikan padanya, adalah asas dan panduan yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang terhadap apa jua tindakan bagi mengelakkan kerosakan dan kehancuran. Antara **contoh dasar dan program yang mengaplikasi prinsip Maqasid Syariah** dalam pelaksanaannya ialah **penguatkuasaan larangan merokok** bagi memelihara **nyawa dan akal**, di samping ia merupakan suatu **bentuk pembaziran** yang perlu disekat bagi **menjaga harta**.

Selain itu Kerajaan juga amat komited untuk merealisasikan pentadbiran kerajaan Malaysia sebagai model sebuah **Negara Rahmah** berkonsep ciri-ciri berikut:

- i. **Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam, membawa keamanan, kemakmuran dalam masyarakat.**
- ii. **Tadbir urus berasaskan Maqasid Syariah yang menekankan aspek penjagaan Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.**
- iii. **Tampil dengan model Malaysia yang sesuai dengan keadaan (waqi'), adat dan budaya bangsa Malaysia tanpa meninggalkan asas-asas Islam.**